

Register your product and get support at
www.philips.com/welcome

PhotoAlbum

SPH8408
SPH8428



MS-MY Manual pengguna

PHILIPS

Daftar kandungan

1 Penting	4
Keselamatan	4
Notis	4
Pernyataan Kelas II	6
2 PhotoAlbum Anda	7
Pengenalan	7
Apa dalam kotak ini	7
Gambaran keseluruhan PhotoAlbum anda	8
3 Mulakan	9
Caskan bateri terbina dalam	9
Hidupkan PhotoAlbum	10
Pindahkan media anda	11
Menu ringkas	12
Ketahui ikon pad kekunci ini	13
4 Main	14
Papar foto	14
5 Semak seimbans	16
Semak imbas dan uruskan album dan media	16
6 Jam	19
Paparkan jam	19
Menu jam	19
7 Peringatan acara	20
Buat peringatan peristiwa	20
Edit peringatan acara.	21
Lihat peringatan acara	23

8 Tetapan	25
Pilih bahasa pada-skrin	25
Laraskan kecerahan	25
Tetapkan masa/tarikh	25
Tetapkan pemasa SmartPower	26
Hibernat PhotoAlbum	27
Tetapkan orientasi auto	28
Hidupkan/matikan bunyi butang	28
Tetapan pameran slaid	29
Buka kunci panel sentuh	31
Lihat status PhotoAlbum	32
Tetap semula semua tetapan ke lalai kilang	32
9 Naik taraf PhotoAlbum	33
10 Maklumat produk	34
11 Soalan lazim	36
12 Glossary	37

Perlukan bantuan?

Sila lawati www.philips.com/welcome di mana anda boleh mengakses set lengkap bahan sokongan seperti manual pengguna, kemas kini perisian terkini dan jawapan bagi soalan lazim.

1 Penting

Keselamatan

Langkah berjaga-jaga keselamatan dan penyenggaraan

- Jangan sekali-kali, menyentuh, menolak, menggosok atau memukul skrin dengan objek yang keras kerana ini boleh merosakkan skrin secara kekal.
- Apabila produk tidak digunakan bagi tempoh yang lama, cabut palamnya.
- Sebelum anda membersihkan skrin, matikan dan cabut palam kod kuasa. Bersihkan skrin hanya dengan kain yang lembut dan dilembapkan dengan air sahaja. Jangan sekali-kali gunakan bahan seperti alkohol, bahan kimia atau pencuci rumah untuk membersihkan produk.
- Jangan sekali-kali letakkan produk berhampiran dengan nyalaan terbuka atau sumber haba lain, termasuk cahaya matahari langsung.
- Jangan sekali-kali dedahkan produk pada hujan atau air. Jangan sekali-kali letakkan bekas cecair, seperti pasu, hampir dengan produk.
- Jangan sekali-kali jatuhkan produk. Jika produk anda terjatuh, ia akan rosak.
- Pastikan anda telah memasang dan menggunakan perkhidmatan atau perisian hanya daripada sumber yang boleh dipercayai yang bebas virus atau perisian yang berbahaya.
- Produk ini direka bentuk untuk penggunaan dalam bangunan sahaja.
- Gunakan penyesuai kuasa yang dibekalkan untuk produk.
- Saluran keluar soket akan dipasang berdekatan dengan produk ini dan akan dapat dicapai dengan mudah.

Notis



Produk ini mematuhi keperluan penting dan peruntukan lain berkaitan Arahan 2006/95/EC (Voltan Rendah), 2004/108/EC (EMC).

Hormati hak cipta



Be responsible
Respect copyrights

Pembuatan salinan tidak sah terhadap bahan yang dilindungi salin, termasuk atur cara komputer, fail, rakaman siaran dan bunyi, mungkin melanggar hak cipta dan membentuk kesalahan jenayah. Peralatan ini tidak sepatutnya digunakan untuk tujuan yang sedemikian.

Kitar semula



Produk anda direka bentuk dan dikilangkan dengan menggunakan bahan dan komponen berkualiti tinggi, yang boleh dikitar semula dan digunakan semula. Apabila simbol tong beroda yang dipangkah ini dilekatkan pada sesuatu produk, ia bermakna produk tersebut diliputi oleh Arahan Eropah 2002/96/EC.



Jangan buang produk anda dengan buangan isi rumah yang lain. Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan produk elektrik dan elektronik. Cara membuang produk lama anda yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.

Produk anda mengandungi bateri yang boleh dicas semula terbina dalam yang diliputi oleh Arahan Eropah 2006/66/EC, yang tidak boleh dilupuskan bersama buangan isi rumah yang biasa.



Untuk melindungi kefungsiian dan keselamatan produk anda, bawa produk anda ke tempat pengumpulan rasmi atau pusat khidmat di mana seorang profesional akan mengeluarkan dan menggantikan baterinya.


Sila ambil tahu tentang peraturan tempatan mengenai pengumpulan berasingan bateri. Cara membuang bateri yang betul akan membantu mencegah kemungkinan akibat negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan manusia.



Awas

- RISIKO LETUPAN JIKA BATERI DIGANTIKAN DENGAN JENIS YANG SALAH.
- PEMBUANGAN BATERI YANG TELAH DIGUNAKAN MENGIKUT ARAHAN.
- Jangan keluarkan bateri terbina dalam kecuali untuk pelupusan produk.

Sentiasa bawa produk anda kepada ahli profesional untuk mengeluarkan bateri terbina dalam



North Europe Information (Nordic Countries)

VARNING:

FÖRSÄKRA DIG OM ATT HUVUDBRYTARE OCH UTTAG ÄR LÄTÅTKOMLIGA, NÄR DU STÄLLER DIN UTRUSTNING PÅPLATS.
Placering/Ventilation

ADVARSEL:

SØRG VED PLACERINGEN FOR, AT NETLEDNINGENS STIK OG STIKKONTAKT ER NEMT TILGÆNGELIGE.
Paikka/Ilmankierto

VAROITUS:

SIIJOITA LAITE SITEN, ETTÄ VERKKOJOHTO VOIDAAN TARVITTAESSA HELPOSTI IRROTTAA PISTORASIASTA.
Plassering/Ventilasjon

ADVARSEL:

NÅR DETTE UTSTYRET PLASSERES, MÅ DU PASSE PÅ AT KONTAKTENE FOR STØMTILFØRSEL ER LETTE Å NÅ.

Pernyataan Kelas II

Simbol peralatan kelas II:



Simbol ini menunjukkan bahawa produk ini mempunyai sistem pengasingan berganda.

2 PhotoAlbum Anda


Tahniah atas pembelian anda dan selamat menggunakan Philips! Untuk memanfaatkan sepenuhnya daripada sokongan yang ditawarkan oleh Philips, daftar produk anda di www.philips.com/welcome.

Pengenalan

Ini adalah Philips Digital PhotoAlbum dengan bateri boleh cas semula terbina dalam. Dengan Philips Digital PhotoAlbum, anda boleh menggunakan PhotoAlbum untuk:

- Memaparkan foto JPEG
- Membuat peringatan acara bagi kes khas


Apa dalam kotak ini



- Philips Digital PhotoAlbum



- Dok pengecasan



- Penyesuai kuasa AC-DC





- CD-ROM dengan Manual pengguna



- Panduan permulaan pantas

Gambaran keseluruhan PhotoAlbum anda



- ①
 - Tahan untuk pergi ke skrin utama
 - Ketuk untuk kembali ke menu peringkat lebih tinggi
- ② **MENU**
 - Ketuk untuk mengakses/keluar dari menu pilihan
- ③ **Butang zum**
 - Ketuk untuk zum masuk
Ketuk untuk menukar mod (mod gelombang > mod album -> mod tayangan slaid -> zum masuk dua kali -> zum masuk 4 kali)
 - Ketuk untuk zum keluar
Ketuk untuk menukar mod (mod gelombang <- mod album <- mod tayangan slaid <- zum keluar dua kali <- zum keluar 4 kali)
- ④ **Gelangsar atas-bawah**
 - Ketuk untuk menatal naik
 - Ketuk untuk menatal turun
- ⑤ **OK**
 - Ketuk untuk memainkan/menjeda tayangan slaid
 - Ketuk untuk mengesahkan pilihan
- ⑥ **Gelangsar kiri-kanan**
 - Ketuk untuk melangkau ke kiri
 - Ketuk untuk melangkau ke kanan
- ⑦ **Bicu USB mini**
- ⑧ **SD/MMC/xD/MS/MS Pro slot kad**
- ⑨
 - Tekan untuk menghidupkan PhotoAlbum
 - Tekan dan tahan untuk mematikan PhotoAlbum
 - Tekan untuk menukar mod (antara tayangan slaid dan jam/kalendar; atau, antara paparan gelombang dan paparan album)
- ⑩ **Penyambung dok pengecasan**
- ⑪ **RESET**
- ⑫ **Kunci Kensington**

3 Mulakan



Awas

- Gunakan kawalan hanya seperti yang dinyatakan dalam manual pengguna ini.

Sentiasa ikuti arahan dalam bab ini mengikut urutan.

Jika anda menghubungi Phillips, anda akan diminta untuk memberikan model dan nombor siri perkakas ini. Nombor model dan nombor siri terletak pada bahagian belakang perkakas. Tulis nombor tersebut di sini:

No. Model _____

No. Siri _____

Caskan bateri terbina dalam




Catatan


- Cas bateri terbina dalam sebelum menggunakan PhotoAlbum buat pertama kali. Bateri terbina dalam yang dicas sepenuhnya membolehkan anda mengendalikan PhotoAlbum sehingga 1 jam.

Mod	Masa pengecasan
Hidup	2.5 jam
Mati	2.5 jam


- Sambungkan plag DC kord kuasa yang dibekalkan pada bicu **DC** pada dok pengecasan yang dibekalkan.




- Suap kord melalui saluran kord.




- Sambung plag AC kord kuasa kepada soket bekalan kuasa.



- Sambung PhotoAlbum kepada dok pengecasan.



- ➔ Apabila PhotoAlbum dimatikan, penunjuk LED di bawah gelangsar kiri-kanan dan **OK** butang akan berkelip semasa proses pengecasan. Apabila bateri terbina dalam tercas sepenuhnya, penunjuk LED berhenti berkelip.



Petua

- Jangka hayat bateri berbeza mengikut penggunaan.
- Untuk memaksimumkan jangka hayat bateri, kekalkan PhotoAlbum tersambung kepada soket bekalan kuasa.

Gambaran keseluruhan ikon paparan bateri/status

Paparan menunjukkan anggaran tahap bateri terbina dalam dan status bekalan kuasa PhotoAlbum:

Ikon	Status
	Paras bateri 0%~5%
	Paras bateri 5%~20%
	Paras bateri 20%~40%
	Paras bateri 40%~60%
	Paras bateri 60%~80%
	Paras bateri 80%~100%
	PhotoAlbum sedang dicas
	PhotoAlbum di dalam dok, berkuasa AC, tidak mengecas

Hidupkan PhotoAlbum


- 1 Apabila PhotoAlbum dimatikan dan bersambung kepada bekalan kuasa, tekan **OK** untuk menghidupkan PhotoAlbum.

Pada kali pertama anda menghidupkan PhotoAlbum:


- Skrin akan menggesa anda untuk memilih bahasa.



- Pilih bahasa, dan kemudian ketuk **OK** untuk mengesahkan.



- Skrin akan menggesa anda untuk menetapkan masa dan tarikh.



- Ketuk ▲▼/◀▶ untuk menetapkan masa dan tarikh, dan kemudian ketuk **OK** untuk mengesahkan.
- ➔ Skrin utama dipaparkan.



Matikan PhotoAlbum

Catatan

- Anda hanya boleh mematikan PhotoAlbum selepas semua tindakan salin dan simpan selesai.
- Untuk mematikan PhotoAlbum, tekan dan tahan  selama kira-kira 2 saat.

Pindahkan media anda

Pindahkan media anda menggunakan peranti storan




Awas

- Jangan putuskan sambungan peranti storan daripada PhotoAlbum sepanjang pemindahan media.

PhotoAlbum menyokong kebanyakan jenis peranti storan berikut:

- Digital Selamat (SD)
- Muatan Tinggi Digital Selamat (SDHC)
- Kad Multimedia (MMC)
- Kad Multimedia Plus (MMC Plus)
- Kad xD (xD)
- Memory Stick (MS)
- Memory Stick Pro (MS Pro) (dengan penyesuai)

- 1 Buka penutup pada sisi PhotoAlbum.
- 2 Masukkan peranti storan ke dalam PhotoAlbum.



➔ Menu pilihan dipaparkan.




[Play Photos]: Pilih ia untuk memainkan media pada peranti

[Browse]: Pilih ia untuk menyemak imbas media pada peranti

[Copy to PhotoAlbum]: Pilih ia untuk memulakan proses pemindahan

- 3 Pilih **[Copy to PhotoAlbum]**, dan kemudian ketuk **OK**.
 ↳ Mesej pengesahan dipaparkan.



Untuk menyalin foto ke PhotoFrame:


- 1 Pilih **[Yes]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- Untuk mengalih keluar peranti storan, tarik ia keluar daripada PhotoAlbum.

Pindahkan media anda menggunakan PC

! Awas

- Jangan putuskan sambungan PhotoAlbum daripada komputer semasa pemindahan media.

- 1 Sambungkan kabel USB kepada PhotoAlbum dan kepada komputer.



- ↳ Anda boleh tarik dan lepaskan media daripada komputer kepada album dalam PhotoAlbum.


- 2 Selepas pemindahan selesai, tanggalkan kabel USB daripada komputer dan PhotoAlbum.

* Petua

- Anda boleh memindahkan media daripada PhotoAlbum kepada komputer.
- Kelajuan pemindahan bergantung kepada sistem pengendalian dan konfigurasi perisian komputer.

Menu ringkas

- 1 Pada skrin utama, ketuk **MENU**.
 ↳ Menu ringkas dipaparkan.



2. Buat pilihan, kemudian ketuk **OK**.
 3. Ikut arahan pada skrin untuk melaraskan kecerahan atau melihat status PhotoAlbum.
- Untuk keluar dari menu ringkas, ketuk **MENU** sekali lagi.

Ketahui ikon pad kekunci ini

	Input dalam Bahasa Inggeris
	Input dalam Bahasa-bahasa Eropah yang disokong
	Input dalam Bahasa Cina Mudah
	Input dalam Bahasa Rusia
	Tukar untuk memilih simbol, tanda baca, huruf atau nombor
	Tukar antara huruf besar dan huruf kecil
	Masukkan ruang kosong
	Masukkan pemisah baris

4 Main

Papar foto

Catatan

- Anda boleh paparkan foto JPEG dalam mod tayangan slaid pada PhotoAlbum.

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Play]** dan kemudian ketuk **OK**.



↳ Foto dipaparkan dalam mod tayangan slaid.

Dalam mod tayangan slaid:

- Untuk memilih foto sebelumnya/ seterusnya, ketuk ◀▶.
- Untuk menghentikan sebentar tayangan slaid, ketuk **OK**.
- Untuk meneruskan tayangan slaid, ketuk **OK** sekali lagi.
- Untuk melihat foto dalam mod album, ketuk 🔍.
- Untuk melihat foto dalam mod gelombang, ketuk 🔍 dua kali.
- Untuk melihat foto dalam mod jalur filem, ketuk ▲.

Dalam mod jalur filem:

- Ketuk ◀▶ untuk melihat foto sebelumnya/ seterusnya.

- Untuk kembali kepada mod tayangan slaid, ketuk **OK**.



Petua

- Jika tiada butang diaktifkan selama lebih kurang 15 saat, jalur filem akan hilang dan tayangan slaid akan diteruskan.

Uruskan tayangan slaid dan foto

Anda boleh mengambil langkah berikut untuk menguruskan foto dalam mod tayangan slaid atau tetapan tayangan slaid:

- 1 Ketuk **MENU**.
↳ Menu pilihan dipaparkan.



Automatic tilting. Goes whichever way you want it
Inclinaison automatique, dans le sens de votre choix

- 2 Buat pilihan, kemudian ketuk **OK**.
 - **[View Mode]**: Pilih mod paparan
 - **[Add to Favorites]**: Tambah media kepada album **[Favorites]** pada PhotoAlbum.
 - **[Slideshow settings]**
 - **[Interval]**: Tetapkan selang masa tayangan slaid
 - **[Shuffle]**: Mainkan media secara rawak atau sebaliknya
 - **[Color Tone]**: Pilih warna bagi foto
 - **[Transition Effect]**: Pilih kesan peralihan
 - **[Background Color]**: Pilih warna latar belakang

- **[Rotate]:** Pilih orientasi untuk memutar foto
- **[Copy]:** Salin foto ke album lain
- **[Delete]:** Padam foto
- **[Brightness]:** Ketuk ▲/▼ untuk melaraskan kecerahan paparan

Zum dan pangkas foto

Apabila anda memilih mod paparan tunggal, anda boleh mengezum masuk foto, memangkasnya, dan menyimpannya sebagai foto baru seperti berikut:


- 1 Dalam mod tayangan slaid, ketuk 🔍 untuk mengezum masuk foto.
- 2 Ketuk **MENU**.
- 3 Pilih **[Crop and Save]**, dan kemudian ketuk **OK**.



↳ Mesej pengesahan dipaparkan.



- 4 Pilih **[Yes]**, dan kemudian ketuk **OK**.
 - Untuk membatalkan proses, pilih **[No]** dan kemudian ketuk **OK**.
- 5 Pilih lokasi tempat menyimpan foto baru itu, lalu ketuk **OK**.



↳ Selepas foto disimpan, PhotoAlbum akan kembali kepada mod tayangan slaid.

5 Semak seimbias

Semak imbas dan uruskan album dan media

Anda boleh menyemak imbas dan menguruskan album dan media dalam mod gelombang atau mod album.

- **Mod gelombang:**



- **Mod album:**



Semak imbas album:


- 1 Pada skrin utama, pilih [**Browse**] dan kemudian ketuk **OK**.
↳ Album dipaparkan dalam mod gelombang.
- 2 Ketuk **⌕** untuk mengakses mod album.

- Untuk kembali kepada mod gelombang, ketuk **⌕**.
Dalam mod gelombang/album,
- Ketuk **OK** sekali: Foto dipaparkan dalam mod jeda.
- Ketuk **OK** dua kali: Tayangan slaid akan dimulakan.

Uruskan album dan media:


- 1 Pilih album/peranti, ketuk **MENU**.
↳ Menu pilihan dipaparkan.
- 2 Buat pilihan, dan kemudian ketuk **OK** untuk meneruskan.

Menu album:



- [**Add to Favorites**]: Tambah media dalam album ke dalam album [**Favorites**]
- [**Create New Album**]: Buat album
- [**Copy**]: Salin media dalam album ke dalam album lain
- [**Move**]: Pindahkan media dalam album ke dalam album lain
- [**Delete**]: Padam media dalam album
- [**Rename**]: Tukar nama album
- [**Multiple-select**]: Pilih berbilang foto untuk diuruskan

Menu imej kecil:



- **[Add to Favorites]:** Tambah media dalam album ke dalam album **[Favorites]**
- **[Copy]:** Salin media dalam album ke dalam album lain
- **[Move]:** Pindahkan media dalam album ke dalam album lain
- **[Delete]:** Padam media dalam album
- **[Rotate]** (bagi menu foto sahaja): Putar foto dalam album
- **[Color Tone]** (bagi menu foto sahaja): Pilih warna bagi foto
- **[Multiple-select]:** Pilih berbilang foto untuk diuruskan

Apabila anda memilih album **[Favorites]**, menu berlainan akan dipaparkan.

- **[Delete]:** Padam media dalam album
- **[Copy]:** Salin media dalam album ke dalam album lain

Tambah media kepada album kegemaran

Untuk menambah media dalam album kepada album **[Favorites]**:

- 1 Pilih **[Add to Favorites]**, dan kemudian ketuk **OK**.

Buat album

- 1 Pilih **[Create New Album]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Ketuk ▼ dua kali untuk mengakses pad kekunci.
- 3 Untuk memasukkan nama (lebih kurang 24 aksara), pilih satu huruf/nombor dan kemudian ketuk **OK**.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian ketuk **OK**.
- 4 Selepas nama telah lengkap, pilih ✓ dan kemudian ketuk **OK**.
- 5 Ketuk **OK** untuk memulakan proses penyimpanan.

Salin media

- 1 Pilih **[Copy]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Pilih album sasaran, dan kemudian ketuk **OK** untuk mula menyalin.

Pindahkan media

- 1 Pilih **[Move]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Pilih album sasaran, dan kemudian ketuk **OK** untuk memulakan pemindahan.

Padam media

- 1 Pilih **[Delete]**, dan kemudian ketuk **OK**.
↳ Mesej pengesahan dipaparkan.
- 2 Pilih **[Yes]**, dan kemudian ketuk **OK** untuk memulakan pemadaman.
 - Untuk membatalkan proses, tahan .

Namakan semula album

- 1 Pilih **[Rename]**, dan kemudian ketuk **OK**.
↳ Pad kekunci dipaparkan.
- 2 Ketuk ▼ dua kali untuk mengakses pad kekunci.
- 3 Untuk memasukkan nama (lebih kurang 24 aksara), pilih satu huruf/nombor dan kemudian ketuk **OK**.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian ketuk **OK**.
- 4 Selepas nama telah lengkap, pilih ✓ dan kemudian ketuk **OK**.


Pilih berbilang media untuk diuruskan

- 1 Pilih **[Multiple-select]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Pilih media.
 - Untuk memilih semua media dalam album, ketuk **OK**.
 - Untuk memilih sebahagian media: Ketuk ▲▼/◀▶ dan **OK** untuk memilih media. Kemudian ulangi langkah ini untuk memilih yang lain.
 - Untuk menyahpilih media, pilih ia dan kemudian ketuk **OK** sekali lagi.
- 3 Selepas selesai memilih, ketuk **MENU** untuk meneruskan.
↳ Menu pilihan dipaparkan.

- 4 Buat pilihan untuk meneruskan.
 - **[Add to Favorites]**: Tambah media yang dipilih kepada **[Favorites]** album
 - **[Copy]**: Salin media yang dipilih kepada album lain
 - **[Move]**: Pindahkan media yang dipilih kepada album lain
 - **[Delete]**: Padam media yang dipilih
 - **[Rotate]**: Putar media yang dipilih
 - **[Play slideshow]**: Mainkan media yang dipilih dalam mod tayangan slaid

Putar foto

- 1 Pilih **[Rotate]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Ketuk ◀▶ untuk memutar foto, dan kemudian ketuk **OK**.



6 Jam

Paparkan jam


- 1 Pada skrin utama, pilih **[Clock]** dan kemudian ketuk **OK**.



➡ Jam/kalendar dipaparkan.

Menu jam

- 1 Apabila jam/kalendar dipaparkan, ketuk **MENU** untuk memasuki menu jam.




- **[Select Clock]**: Pilih jam atau templat kalendar lain untuk dipaparkan.

- **[Time and Date]**: Ketuk **▲/▼/◀▶** untuk menetapkan waktu/tarikh atau untuk memilih format waktu/tarikh. Untuk butiran, lihat Bahagian “Tetapan - Tetapkan masa dan tarikh”.

Pilih gaya jam/kalendar

- 1 Pada menu jam, pilih **[Select Clock]** dan kemudian ketuk **OK**.
- 2 Ketuk **◀▶** untuk memilih jam atau templat kalendar, dan kemudian ketuk **OK**.



- Untuk kembali ke skrin utama, tahan .


7 Peringatan acara

Buat peringatan peristiwa


- 1 Pada skrin utama, pilih **[Event Reminder]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Create Event Reminder]**, dan kemudian ketuk **OK**.




- 3 Ketuk **◀▶** untuk memilih templat bagi peringatan acara, dan kemudian ketuk **OK**.




- ↳ Senarai pilihan dipaparkan.
- ↳ Tukar imej pada peringatan acara.
- ↳ Edit teks peringatan acara.
- ↳ Tetapkan masa dan tarikh sebenar jika berkenaan.

- 4 Pilih **[Done]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- ↳ Skrin menggesa anda untuk menjadualkan peringatan acara.

- 5 Jadualkan mesej.



- **[Event Name]:** Masukkan nama. Untuk butiran, lihat “Masukkan nama peringatan acara”.
- **[Repeat]:** Pilih kekerapan ulangan
- **[Set Date]:** Tetapkan tarikh atau hari
- **[Set Time]:** Tetapkan masa

6 Selepas anda menyelesaikan peringatan acara, pilih **[Done]** dan ketuk **OK**.



- Untuk melihat peringatan acara yang sedia ada, pilih **[View Event Reminder]**.
- Untuk kembali ke skrin utama, tahan .

Masukkan nama peringatan acara

1 Pilih **[Event Name]**, dan kemudian ketuk **OK**.

2 Ketuk  dua kali untuk mengakses pad kekunci.

3 Untuk memasukkan nama (lebih kurang 24 aksara), pilih satu huruf/nombor dan kemudian ketuk **OK**.

- Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian ketuk **OK**.

4 Selepas nama telah lengkap, pilih  dan kemudian ketuk **OK**.




Edit peringatan acara.


1 Pada skrin utama, pilih **[Event Reminder]** dan kemudian ketuk **OK**.



2 Pilih **[Create Event Reminder]**, dan kemudian ketuk **OK**.




- 3 Ketuk ◀▶ untuk memilih templat bagi peringatan acara, dan kemudian ketuk OK.



- 4 Pilih satu daripada pilihan berikut untuk mengedit peringatan acara.
- **[Change Image]**: Tukar imej peringatan acara
 - **[Edit Text]**: Edit teks peringatan acara

Untuk menukar imej peringatan acara:


- 1 Pilih **[Change Image]**, dan kemudian ketuk OK.




- 2 Pilih imej yang tersedia pada PhotoAlbum, dan kemudian ketuk OK.

Untuk mengedit teks peringatan acara:


- 1 Pilih **[Edit Text]**, dan kemudian ketuk OK.



- 2 Pilih templat yang telah dipreset, dan kemudian ketuk OK.
- ↳ Papan kekunci dipaparkan.



- 3 Ketuk ▼ dua kali untuk mengakses pad kekunci.
- 4 Untuk memasukkan teks, pilih huruf/ nombor dan kemudian ketuk **OK**.
 - Pilih kaedah input, lihat “Ketahui ikon pad kekunci ini”.
 - Untuk beralih antara huruf besar dan huruf kecil, pilih **aA** pada pad kekunci yang dipaparkan dan kemudian ketuk **OK**.
- 5 Selepas anda selesai memasukkan teks, pilih ✓ dan kemudian ketuk **OK**.
- 6 Ketuk ▲▼/◀▶ untuk menempatkan teks, dan kemudian ketuk **OK**.



- 7 Ketuk ▲▼/◀▶ untuk memilih warna atau fon teks, dan kemudian ketuk **OK**.


- 8 Gerakkan ke ✓, dan kemudian ketuk **OK**.
- 9 Pilih **[Done]**, dan kemudian ketuk **OK**.

Lihat peringatan acara


- 1 Pada skrin utama, pilih **[Event Reminder]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[View Event Reminder]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- 3 Pilih peringatan acara, dan kemudian ketuk **OK**.
- ↳ Peringatan acara dipaparkan.
- Ketuk **MENU**, dan kemudian pilih salah satu pilihan berikut untuk meneruskan.



- **[Re-schedule]**: Jadualkan semula peringatan acara
- **[Delete]**: Padam peringatan acara
- Untuk kembali dan melihat peringatan acara yang lain, pilih **[Done]** dan kemudian ketuk **OK**.

8 Tetapan

Pilih bahasa pada-skrin

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Language]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih bahasa, dan kemudian ketuk **OK**.



Laraskan kecerahan

Anda boleh melaraskan kecerahan PhotoAlbum untuk mendapatkan paparan terbaik.

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Brightness]**, dan kemudian ketuk **OK**.




- 3 Ketuk **▲/▼** untuk melaraskan kecerahan, dan kemudian ketuk **OK**.

Tetapkan masa/tarikh

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Time and Date]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Set Time]** / **[Set Date]**, dan kemudian ketuk **OK**.




- 4 Ketuk ▲▼/◀▶ untuk melaraskan minit/jam/hari/bulan/tahun dan kemudian, ketuk **OK**.

Tetapkan format masa/tarikh

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Time and Date]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Select Time Format]** / **[Select Date Format]**, dan kemudian ketuk ▶.
- 4 Pilih format, dan kemudian ketuk **OK**.



Tetapkan pemasa SmartPower

Pemasa SmartPower membolehkan anda mengkonfigurasi masa bagi paparan PhotoAlbum dihidupkan atau dimatikan secara automatik. Apabila paparan mati secara automatik, PhotoAlbum akan memasuki mod siap sedia (tidur).


Catatan

- Pastikan bahawa waktu semasa bagi PhotoAlbum ditetapkan dengan betul.

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[SmartPower]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Set On-Time]** / **[Set Off-Time]**, dan kemudian ketuk **OK**.
 - Untuk mematikan fungsi SmartPower, pilih **[Off]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 4 Ketuk **▲▼/◀▶** untuk menetapkan masa, dan kemudian ketuk **OK**.

Petua


- Apabila PhotoAlbum anda berada dalam mod siap sedia (tidur), anda boleh menekan **⏻** untuk membangunkan PhotoAlbum.
- Jika PhotoAlbum anda dikuasakan oleh bateri terbina dalam: Selepas jangka masa yang lama tanpa beroperasi, kecerahan cahaya belakang bagi paparan menjadi rendah, dan kemudian ia akan beralih kepada mod siap sedia.

Hibernat PhotoAlbum


- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Hibernate]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Buat pilihan, kemudian ketuk **OK**.
 - ↳ Selepas tempoh yang dipilih, PhotoAlbum akan berhibernasi.
 - Untuk menyahdayakan fungsi hibernat, pilih **[Never]** dan kemudian ketuk **OK**.



- Untuk mengeluarkan PhotoAlbum daripada berhibernasi, tekan **⏏**.



- Untuk menyahdayakan fungsi orientasi auto, pilih **[Off]** dan kemudian ketuk **OK**.

Tetapkan orientasi auto

Dengan fungsi orientasi auto, anda dapat memainkan foto dalam orientasi yang betul bergantung kepada orientasi mendatar/menegak PhotoAlbum.

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.




- 2 Pilih **[Auto-orientate]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[On]**, dan kemudian ketuk **OK**.

Hidupkan/matikan bunyi butang

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Set Beep]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- 3 Pilih **[On]** untuk menghidupkan butang bunyi.
 - Untuk mematikan butang bunyi, pilih **[Off]**.
- 4 Ketuk **OK**.


Tetapan pameran slaid

Pilih selang masa tayangan slaid

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Slideshow]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Interval]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- 4 Pilih selang masa tayangan slaid, dan kemudian ketuk **OK**.

Pilih turutan tayangan slaid

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.




- 2 Pilih **[Slideshow]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Shuffle]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 4 Untuk memaparkan tayangan slaid secara rawak, pilih **[On]** dan kemudian ketuk **OK**.
 - Untuk memaparkan tayangan slaid mengikut jujukan, pilih **[Off]** dan kemudian ketuk **OK**.

Pilih kesan peralihan

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Slideshow]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Transition Effect]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- 4 Pilih kesan peralihan, dan kemudian ketuk **OK**.


Pilih warna latar

Anda boleh memilih warna jidar latar belakang bagi foto yang lebih kecil daripada paparan PhotoAlbum.

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Slideshow]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 3 Pilih **[Background Color]**, dan kemudian ketuk **OK**.
- 4 Pilih **[RadiantColor]** / warna latar belakang/ **[Auto-fit]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- ↳ Jika anda memilih **[RadiantColor]**, PhotoAlbum memanjangkan warna pada pinggir foto yang lebih kecil daripada skrin penuh untuk memenuhi skrin tanpa bar hitam atau herotan nisbah aspek.



- ↳ Jika anda memilih warna latar belakang, PhotoAlbum akan memaparkan foto dengan warna latar belakang.



- ↳ Jika anda memilih **[Auto-fit]**, PhotoAlbum memanjangkan foto untuk memenuhi skrin dengan herotan gambar.



Buka kunci panel sentuh

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Touch Panel Lock]**, dan kemudian ketuk **OK**.



- 3 Pilih **[Auto-Lock On]** untuk mendayakan kunci, dan kemudian ketuk **OK**.
 - ↳ Jika tiada butang diaktifkan selama lebih kurang 10 saat, panel sentuh akan terkunci secara automatik dan lampu LED pada panel sentuh akan terpadam.
 - Untuk menyahdayakan kunci, pilih **[Auto-Lock Off]**.

Untuk mengaktifkan panel sentuh yang berkunci:

- 1 Ketuk sebarang butang.
 - ↳ Lampu LED menyala.

- 2 Sapu dengan laju gelangsar kiri-kanan dari kiri ke kanan, untuk membuka kunci panel sentuh.

Lihat status PhotoAlbum

Anda boleh mendapatkan nama model, versi perisian tegar PhotoAlbum, dan status memori PhotoAlbum dan peranti storan lain yang ada pada PhotoAlbum.

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Info]**.




↳ Maklumat PhotoAlbum dipaparkan pada skrin.

Tetap semula semua tetapan ke lalai kilang

- 1 Pada skrin utama, pilih **[Settings]** dan kemudian ketuk **OK**.



- 2 Pilih **[Default Settings]**, dan kemudian ketuk **OK**.
↳ Mesej pengesahan dipaparkan.
 - 3 Pilih **[Yes]**, dan kemudian ketuk **OK**.
↳ Semua tetapan pada PhotoAlbum ditetapkan semula kepada tetapan lalai kilang.
- Untuk membatalkan proses, pilih **[No]** pada mesej penggesa dan kemudian ketuk **OK**.



9 Naik taraf PhotoAlbum



Awas

- Jangan matikan kuasa PhotoAlbum sewaktu naik taraf perisian.

Jika terdapat kemas kini perisian, anda boleh memuat turun perisian terkini dari www.philips.com/support untuk menaik taraf PhotoAlbum anda. Perisian yang lebih awal tidak tersedia dalam talian.

- 1 Lawati www.philips.com/support.
- 2 Cari PhotoAlbum anda dan pergi ke bahagian perisian.
- 3 Muat turun perisian terkini ke atas direktori asas bagi kad SD.
- 4 Masukkan kad SD ke dalam PhotoAlbum.
- 5 Hidupkan PhotoAlbum
 - ↳ Mesej pengesahan dipaparkan.
- 6 Pilih **[Yes]**, dan kemudian ketuk **OK** untuk mengesahkan.
 - ↳ Apabila naik taraf selesai, PhotoAlbum membut semula.

10 Maklumat produk

Catatan

- Maklumat produk tertakluk pada perubahan tanpa notis terlebih dahulu.

Gambar/Paparan

- Sudut pandangan: @C/R > 10, 130° (H)/110° (V)
- Tempoh hayat, hingga kecerahan 50%: 20000jm
- Nisbah bidang: 4:3
- Resolusi panel: 800 x 600
- Kecerahan (biasa): 200cd/m²
- Nisbah kontras (biasa): 400:1
- Format sokongan foto:
 - Foto JPEG (maksimum: resolusi piksel 8000 x 8000)
 - Foto JPEG Progresif (Sehingga 1024 x 768 piksel)

Media Simpanan

- Kapasiti memori dalaman:
 - 1 GB, sehingga 2,000 keping foto Definisi Tinggi
- Jenis Kad Memori:
 - Digital Selamat (SD)
 - Muatan Tinggi Digital Selamat (SDHC)
 - Kad Multimedia (MMC)
 - Multimedia Plus Card (MMC+)
 - Kad xD (xD)
 - Memory Stick (MS)
 - Memory Stick Pro (MS Pro)

Kesambungan

- USB 2.0 Slave

Dimensi & berat

- Dimensi set tanpa dok (LxTxD): 220 x 179 x 20.6mm
- Dimensi set dengan dok (LxTxD): 220 x 188 x 100mm
- Berat (tanpa dok): 0.514 kg

Kuasa

- Mod kuasa yang disokong:
 - Bateri terbina dalam
 - Dikuasai oleh AC
- Tahap kecekapan: V
- Penggunaan biasa:
 - Bagi tayangan slaid foto: 5 W
 - Untuk tayangan slaid foto semasa mengecas: 7 W
- Bateri terbina dalam:
 - Spesifikasi: Li-Polymer pile boleh cas semula 7.4V
 - Kapasiti: 600 mAh
 - Jangka hayat: 1 jam
 - Masa pengecasan: 2.5 jam
- Penyesuai kuasa:
 - Pengeluar: Philips Consumer Lifestyle International B.V.
 - Nombor model: DSA-9PFB-09 Fxx (xx=EU, UK, AU, CN)
 - Input: 100 - 240 V ~ 50/60 Hz
 - Output: 9 V = 1 A

Penyesuai	Daerah
DSA-9PFB-09 FEU	Eropah, Rusia, dan Singapura
DSA-9PFB-09 FUK	U.K. dan Hong Kong
DSA-9PFB-09 FAU	Australia dan New Zealand
DSA-9PFB-09 FCN	China

Aksesori

- Penyesuai AC-DC
- Dok pengecasan
- CD-ROM dengan manual pengguna digital
- Panduan permulaan pantas

Kemudahan

- Pembaca Kad: Terbina dalam
- Format foto yang disokong:
 - Foto JPEG (maksimum: resolusi 8000 x 8000 piksel)
 - Foto JPEG progresif (1024 x 768 piksel resolusi sahaja)
- Peletakan disokong: Orientasi auto foto
- Butang dan kawalan: Panel sentuh, butang berkuasa
- Mod main balik: Tayangan slaid, paparan gelombang, paparan album
- Pengurusan album: Buat, salin, pindah, padam, tambah kepada album kegemaran
- Pengurusan foto: Salin, pindah, padam, putar, tambah kepada album kegemaran, ton warna
- Jam: Jam, kalendar, tetapkan masa dan tarikh
- Peringatan acara: Buat peringatan acara, lihat peringatan acara
- Tetapan tayangan slaid: Kesan peralihan, warna latar, selang masa, kocok, ton warna
- Ton warna: Hitam putih, Sepia, warna-warna lain
- Latar belakang skrin: Hitam, putih, kelabu, muat auto, WarnaBerseri
- Tetapan: Bahasa, kecerahan, masa dan tarikh, SmartPower, hibernat, orientasi auto, bip (bunyi butang), tayangan slaid, maklumat mengenai PhotoAlbum, set semula PhotoAlbum kepada tetapan lalai kilang
- Status sistem: Nama model, versi perisian, saiz memori
- Kerasian Pasang & Main: Windows Vista/XP/7, Mac OS X 10.4/10.5/10.6
- Kelulusan Pengawalaturan: BSMI, C-Tick, CCC, CE, GOST, PSB
- Lain-lain kemudahan: Serasi kunci Kensington
- Bahasa Paparan pada Skrin: Inggeris, Perancis, Jerman, Sepanyol, Itali, Denmark, Belanda, Portugis, Rusia, Cina Mudah, Cina Tradisional

11 Soalan lazim

Adakah skrin sentuh LCD didayakan?

Skrin LCD tidak didaya-sentuh. Selepas anda menghidupkan PhotoAlbum, anda boleh gunakan panel sentuh untuk mengawal PhotoAlbum.

Bolehkah saya menggunakan PhotoAlbum untuk memadam foto pada kad memori?

Ya, ia menyokong operasi untuk memadam foto pada peranti luaran seperti kad memori. Pastikan anda mendayakan fungsi pemadaman pada kad memori yang ada pada PhotoAlbum.

Mengapakah PhotoAlbum saya tidak memaparkan sesetengah foto saya?

- PhotoAlbum hanya memainkan foto JPEG (maksimum: resolusi 8000 x 8000 piksel) dan foto JPEG Progresif (Sehingga 1024 x 768 piksel).
- Pastikan foto ini tidak rosak.

Mengapakah PhotoAlbum tidak bertukar menjadi status mati auto selepas saya menetakannya?

Pastikan anda menetapkan waktu sebenar, masa mati auto, dan masa hidup auto dengan betul. PhotoAlbum mematikan paparannya secara automatik tepat pada waktu mati auto. Jika masa itu telah pun berlalu bagi hari tersebut, ia akan mula masuk status mati auto pada masa yang ditetapkan bermula daripada hari berikutnya.

Bolehkah saya meningkatkan saiz memori agar saya dapat menyimpan lebih banyak gambar pada PhotoAlbum?

Tidak. Memori dalaman PhotoAlbum telah ditetapkan dan tidak dapat diperbesarkan. Walau bagaimanapun, anda boleh beralih antara foto berlainan dengan menggunakan peranti storan yang berlainan pada PhotoAlbum.

PhotoAlbum HIDUP tetapi PhotoAlbum tidak bertindak balas lagi. Apa yang boleh saya lakukan?

Pastikan PhotoAlbum dihidupkan. Kemudian, gunakan pin untuk mencetus butang **RESET** yang terletak pada sebelah belakang untuk memulihkan sistem.

12 Glossary

G

Gambar kecil

Gambar kecil ialah versi gambar dengan saiznya dikurangkan yang digunakan untuk menjadikannya lebih mudah untuk mengenal pasti dan menyusunnya. Gambar kecil berfungsi dalam cara yang sama untuk imej seperti yang dilakukan oleh indeks teks biasa untuk perkataan.

J

JPEG

Format gambar pegun digital yang sangat lazim. Sistem pemampatan data gambar pegun yang dicadangkan oleh Joint Photographic Expert Group, yang mencirikan pengurang kecil dalam kualiti imej berbanding dengan nisbah pemampatannya yang tinggi. Fail dikenali mengikut sambungan failnya '.jpg' atau '.jpeg.'

K

Kad MMC

Kad Multimedia. Kad memori denyar yang menyediakan penyimpanan untuk telefon sel, PDA dan peranti pegang tangan yang lain. Kad menggunakan memori denyar untuk aplikasi baca/tulis atau cip ROM (ROM-MMC) untuk maklumat statik, yang keduanya luas digunakan untuk menambah aplikasi kepada PDA Tapak tangan.

Kad SD

Kad Memori Digital Terjamin. Kad memori denyar yang menyediakan penyimpanan untuk kamera digital, telefon sel dan PDA. Kad SD menggunakan faktor bentuk 32 x 24mm yang sama seperti Kad MultiMedia (MMC), tetapi tebal sedikit (2.1mm vs. 1.4mm), dan pembaca Kad SD menerima kedua-dua format. Kad sehingga 4GB boleh didapati.

Kad xD

Kad Gambar Digital EXtreme. Kad memori denyar yang digunakan dalam kamera digital.

Kbps

Kilobait per saat. Sistem pengukuran kadar data digital yang selalunya digunakan dengan format mampatan tinggi seperti AAC, DAB, MP3 dsb. Lebih tinggi nilainya, umumnya kualitinya lebih baik.

Kunci Kensington

Slot Keselamatan Kensington (juga disebut Slot-K atau kunci Kensington). Sebahagian daripada sistem anti-kecurian. Ia adalah lubang kecil yang diperkuatkan dengan logam pada hampir kesemua komputer kecil atau mudah alih dan peralatan elektronik, terutamanya pada yang mahal dan/atau yang agak ringan, seperti komputer riba, monitor komputer, komputer meja, konsol permainan dan projektor video. Ia digunakan untuk memasang radas kunci dan kabel, terutamanya yang datang dari Kensington.

M

Memory Stick

Memory Stick Kad memori denyar untuk penyimpanan digital pada kamera, kamkorder dan peranti pegang tangan yang lain.

Motion JPEG

Motion JPEG (M-JPEG) adalah nama tidak rasmi untuk format multimedia di mana setiap bingkai video atau medan berjalın bagi turutan video digital dimampatkan secara berasingan sebagai imej JPEG. Ia kerap digunakan dalam perkakas mudah alih seperti kamera digital.

MP3

Format fail dengan sistem pemampatan data bunyi. MP3 adalah singkatan kepada Motion Picture Experts Group 1 (atau MPEG-1) Audio Layer 3. Dengan format MP3, satu CD-R atau CD-RW boleh mengandungi lebih kurang 10 kali lebih data berbanding CD biasa.

N

Nisbah aspek

Nisbah aspek merujuk kepada nisbah panjang ke tinggi skrin TV. Nisbah TV yang standard ialah 4:3, manakala nisbah TV definisi tinggi atau lebar ialah 16:9. Peti surat membolehkan anda menikmati gambar dengan perspektif yang lebih luas pada skrin standard 4:3.

